

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN DAN PERTUKARAN  
DOKUMEN ANTARA BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN) DAN KUKUM DI  
KUALA LUMPUR PADA 14 JANUARI 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA ENCIK TAJUDDIN ATAN, KETUA EKSEKUTIF BANK  
SIMPANAN NASIONAL,

YANG BERBAHAGIA, DATO' AHMAD ZAKI ABDUL  
RAZAK, TIMBALAN PENGURUS BESAR (OPERASI PERBANKAN) BSN,

YANG BERBAHAGIA HAJAH JUARIAH HAJI AZAHARI, TIMBALAN  
PENGURUS BESAR (PERKHIDMATAN SOKONGAN & PERNIAGAAN) BSN,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN HAJI ABD. HAMID, PENDAFTAR  
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM),

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI, KOLEJ  
UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA, (KUKUM)

YANG DIHORMATI PENGARAH-PENGARAH BSN & PENGURUS-PENGURUS  
BSN

DAN WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DISANJUNGI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA PAGI YANG PENUH BERSEJARAH INI DI DALAM MAJLIS YANG PASTI TERPAHAT MENJADI ANTARA KRONOLOGI BERSEJARAH BAGI KEDUA-DUA BELAH PIHAK DALAM MERINTIS PERHUBUNGAN YANG LEBIH ERAT DI MASA-MASA AKAN DATANG.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MELUNJURKAN UCAP SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA SAMBUTAN MAJLIS PADA PAGI INI KERANA KOMITMEN YANG TINGGI DALAM USAHA MENCANAI IDEA, MENYEMPURNA KERJA, MENZAHIR UPACARA, MEMASTIKAN PROGRAM INI BERLANGSUNG SERTA TERLAKSANA DENGAN PENUH ADAB DAN JAYANYA.

JUTAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN BANK SIMPANAN NASIONAL YANG TELAH BERSETUJU UNTUK BEKERJASAMA DENGAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA WALAUPUN UNIVERSITI INI MASIH BARU DITUBUHKAN KIRA-KIRA TIGA TAHUN LEPAS IAITU PADA TAHUN 2002.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAYA BERASA AMAT BERBESAR HATI TERHADAP KOMITMEN SERTA RESPON POSITIF SEMASA DIMAJUKAN KERTAS CADANGAN INI KEPADA PIHAK BSN SEHINGGA MERINTIS KEPADA MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN INI. IA JELAS MEMBUKTIKAN KUKUM BUKAN SAJA DIKTIRAF MALAH MEMBUKTIKAN PENGURUSAN UNIVERSITI AMAT BERKUALITI, STANDARD, BERDAYA SAING DENGAN MANA-MANA IPTA YANG TERLEBIH DAHULU DITUBUHKAN.

DI KESEMPATAN INI SAYA INGIN MENJELASKAN SEKALI LAGI KEPADA PARA TETAMU YANG DIHORMATI SEKALIAN, KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) ADALAH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM YANG PALING BONGSU DI MALAYSIA. IA DITUBUHKAN SETELAH DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001.

AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN STAF BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR PADA 16 FEBRUARI 2002. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS.

KUKUM YANG KINI BEROPERASI DI BEBERAPA BUAH LOKASI DI NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN DI KENALI SEBAGAI 'DISTRIBUTED CAMPUS' DENGAN MENAWARKAN 10 PROGRAM AKADEMIK BERASASKAN KEJURUTERAAN. ANTARA KURSUS YANG DITAWARKAN IALAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER, PERHUBUNGAN, MIKROELEKTRONIK, ELEKTRONIK, BAHAN, METALURGI, SISTEM ELEKTRIK, ELEKTRONIK INDUSTRI, MEKATRONIK DAN PEMBUATAN.

JUMLAH PELAJAR KUKUM SEHINGGA KINI IALAH SERAMAI LEBIH KURANG 1321 ORANG. BILANGAN KAKITANGAN KUKUM PULA SEHINGGA JANUARI 2005 IALAH SERAMAI 580 ORANG IAITU MERANGKUMI 188 KAKITANGAN AKADEMIK DAN 392 ORANG PULA TERDIRI DARIPADA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PERJANJIAN DAN PERTUKARAN DOKUMEN ANTARA KUKUM DENGAN BSN PADA HARI INI ADALAH MENEPATI ARAHAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN IA DI KENALI SEBAGAI SKIM PINJAMAN KENDERAAN. HASIL DARI PERJANJIAN INI NANTI IA AKAN MEMBERIKAN KEMUDAHAN KEPADA KAKITANGAN-KAKITANGAN KUKUM YANG BERKELAYAKAN DAN BERKEMAMPUAN MENGIKUT SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.

HASIL DARI PERJANJIAN INI NANTI, PIHAK KUKUM AKAN MENGURUSKAN POTONGAN GAJI KAKITANGANNYA MANAKALA PIHAK BSN PULA AKAN MEMPERUNTUKKAN SATU AMAUN PINJAMAN PUSINGAN MENGIKUT KEPERLUAN KUKUM. PIHAK KUKUM JUGA AKAN MEMPROSES, MELULUS DAN MENGARAHKAN KAKITANGANNYA MENYEMPURNAKAN PERJANJIAN.

DI SAMPING ITU, PIHAK KUKUM JUGA AKAN MEMASTIKAN KAKITANGANNYA MEMPUNYAI AKAUN GIRO YANG AKTIF SELAIN MENGEMUKAKAN DATA KELULUSAN KEPADA PIHAK BSN DI BAHAGIAN OPERASI KREDIT BANK SIMPANAN NASIONAL, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR.

SAYA PERCAYA SKIM INI NANTI AKAN MEMBERIKAN KEMUDAHAN PINJAMAN YANG MUDAH KEPADA SETIAP WARGA KERJA KUKUM YANG SUDAH PASTI TERCARI-CARI INSTITUSI KEWANGAN YANG MAMPU MEMBERI KEMUDAHAN PINJAMAN KREDIT YANG DAPAT MEREALISASIKAN IMPIAN MEREKA MEMILIKI KENDERAAN SENDIRI.

SAYA JUGA BERHARAP HASIL DARI MoU INI NANTI AKAN MERINTIS KEPADA PERJANJIAN PERSEFAHAMAN YANG LAIN PULA SEPERTI PINJAMAN PERUMAHAN DAN PERIBADI YANG LEBIH FLEKSI DARI SEGI TEMPOH PEMBAYARAN YANG LEBIH PANJANG, KADAR FAEDAH YANG LEBIH RENDAH, PEMROSESAN PERMOHONAN YANG MUDAH ATAU PEMBAYARAN PERCUMA BAGI KOS GUAMAN, INSURAN DAN SEBAGAINYA. SAYA PERCAYA DI DALAM JANGKA MASA PANJANG BAIK PIHAK KUKUM MAHUPUN BSN SENDIRI AKAN MELEBARKAN SAYAP HUBUNGAN KERJASAMA INI TANPA MERUGIKAN MANA-MANA PIHAK TETAPI DI DALAM KONDISI 'WIN-WIN SITUATION'.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGURUSAN BANK SIMPANAN NASIONAL DI BAWAH PIMPINAN ENCIK TAJUDDIN ATAN YANG PENUH KOMITMEN DAN DINAMIK DI ATAS KESUDIAN MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA INI.

UCAPAN TAHNIAH SEKALI LAGI KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PADA PAGI INI KERANA GARAPAN IDEA DALAM MERENCANA DAN MELANSUNG KERJA BAGI MENZAHIRKAN PROGRAM YANG SUDAH PASTI MENINGGALKAN KENANGAN YANG CUKUP MANIS BUAT KITA SEMUA. SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.